

12 DEC 1998  
Pemuda-Forum  
PENYELIDIKAN MANTAPKAN UMNO DI ABAD KE-21

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Umno perlu mempunyai maklumat lengkap dan terkini mengenai orang Melayu dengan menubuhkan satu unit penyelidikan bagi memantapkan lagi kedudukannya di abad ke-21.

Veteran Umno, Datuk Rais Yatim, berkata dengan maklumat yang terkini hasil penyelidikan yang bersifat ilmiah, Umno akan dapat bersuara dengan penuh keyakinan dalam memperjuangkan nasib dan menangani masalah orang Melayu.

Menurutnya tanpa penyelidikan, sukar untuk mengetahui secara pasti pencapaian orang Melayu seperti dalam pegangan kekayaan negara setakat ini kerana ada pihak yang berpendapat ia menepati matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebanyak 30 peratus dan pihak lain pula berpendapat ia baru mencapai 17 peratus.

"Pemuda harus perjuangkan penubuhan bahagian penyelidikan ini," katanya ketika menjadi anggota panel forum "Pemuda Umno Di Alaf Baru: Menjulung Obor Perjuangan Umat Melayu" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Rais, bekas menteri kabinet, berkata Pemuda juga harus memikirkan sama ada sudah cukup bagi orang Melayu menetapkan pembahagian sekurang-kurangnya 30 peratus kekayaan negara mesti dimiliki Bumiputera sedangkan suatu angka yang lebih besar adalah lebih munasabah.

Beliau juga tidak mahu melihat orang Melayu, khususnya Pemuda Umno yang sejak dahulu memperjuangkan dasar mengenai Bahasa Melayu menjadi "sekerat belut, sekerat ular" kerana mencampur adukkan bahasa Inggeris dan Melayu dari rancangan televisyen hinggalah ke ucapan.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus, yang juga anggota panel forum dua jam itu, berkata Pergerakan Pemuda jika mahu disegani mestilah bersuara lantang dan tegas dalam setiap keadaan dengan penuh keyakinan terhadap pegangan dan perjuangan mereka.

"Pemuda tidak harus gusar jika yakin mereka benar walaupun pandangan itu boleh dipertikaikan oleh orang lain," katanya.

Seorang lagi anggota panel, Datuk Shafie Apdal, berkata setiap anggota Pemuda mestilah berupaya menguasai teknologi maklumat kerana ia merupakan satu daripada cabaran besar bagi Umno di masa depan.

Ahli akademik Prof Madya Mahadzir Mohd Khir pula mencabar Pemuda Umno supaya lebih lantang mempertahankan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi kegawatan ekonomi dan juga politik semasa.

Beliau juga mencadangkan setiap orang daripada 2.4 juta anggota Umno sekarang supaya tampil mendermakan RM1 sahaja tiap seorang untuk dijadikan asas bagi tabung untuk membantu anak-anak Melayu miskin membiayai pengajian mereka di pusat-pusat pengajian tinggi.

Forum itu dipengerusikan Ketua Penerangan Pemuda Umno Datuk Abdul Fatah Iskandar.

-- BERNAMA  
MNY NAK